



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 7/2026

HARI KELEPASAN AM SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 1447H/ 2026M

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai pengumuman oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, pengumuman oleh YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Hj. Mohd Nassuruddin bin Hj. Daud, Menteri Besar Kelantan dan Surat Arahan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (SUK) bertarikh 15 Mac 2026 (Ahad) berhubung Cuti Tambahan Hari Raya Aidilfitri dan Hari Kelepasan Am Bagi Seluruh Negeri Kelantan Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1447H/ 2026M.
2. Kerajaan Persekutuan telah bersetuju mengumumkan Cuti Tambahan Hari Raya Aidilfitri Tahun 1447H/ 2026M pada **23 Mac 2026 (Isnin)** jika Hari Raya Aidilfitri jatuh pada 20 Mac 2026 (Jumaat) atau pada **20 Mac 2026 (Jumaat)** jika Hari Raya Aidilfitri jatuh pada 21 Mac 2026 (Sabtu).
3. Selain itu, Kerajaan Negeri Kelantan telah bersetuju untuk menjadikan **29 Ramadan 1447H bersamaan 19 Mac 2026M (Khamis)** sebagai Cuti Hari Kelepasan Am bagi seluruh Negeri Kelantan sempena Hari Raya Aidilfitri 1447H/ 2026M.
4. Sehubungan itu, Cuti Kelepasan Am Sempena Hari Raya Aidilfitri 1447H/ 2026M adalah seperti mana jadual berikut:

- i. Sekiranya Hari Raya Aidilfitri 1447H/ 2026M disambut pada **20 Mac 2026 (Jumaat)**;

Bil.	Tarikh	Catatan
1.	19 Mac 2026 (Khamis)	Hari Kelepasan Am Negeri Kelantan
2.	20 Mac 2026 (Jumaat)	Hari Raya Pertama
3.	21 Mac 2026 (Sabtu)	Hari Raya Kedua
4.	22 Mac 2026 (Ahad)	Cuti Gantian
5.	23 Mac 2026 (Isnin)	Cuti Tambahan

atau

- ii. Sekiranya Hari Raya Aidilfitri 1447H/ 2026M disambut pada **21 Mac 2026 (Sabtu)**;

Bil.	Tarikh	Catatan
1.	19 Mac 2026 (Khamis)	Hari Kelepasan Am Negeri Kelantan
2.	21 Mac 2026 (Sabtu)	Hari Raya Pertama
3.	22 Mac 2026 (Ahad)	Hari Raya Kedua
4.	23 Mac 2026 (Isnin)	Cuti Gantian

5. Pengumuman cuti tambahan dan cuti kelepasan am negeri ini bagi memberi laluan kepada persiapan menyambut hari lebaran dan mengurangkan kesesakan lalu lintas serta memudahkan perjalanan pulang ke kampung halaman.
6. Pihak Pengurusan UMK mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri 1447H serta Maaf Zahir dan Batin kepada semua staf. Semoga cuti hari kelepasan am ini menjadi peluang berharga untuk dimanfaatkan bersama seisi keluarga tercinta.
7. Pemakaian pekeliling ini adalah dikecualikan kepada staf yang bekerja syif/ penggiliran/ penugasan kerja untuk kes kecemasan atas arahan Ketua Jabatan. Kerjasama semua pihak dimohon untuk mengambil maklum dan tindakan ke atas pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

"ISLAM DIJUNJUNG, RAKYAT BERSATU, NEGERI BERKAT, RAJA BERDAULAT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(KHAIRUL ERUAN BIN ABDUL HALIM, B.S.K, P.J.K)
Pendaftar

18 MAC 2026

s.k. - Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Semua Ketua Pusat Tanggungjawab